



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.2 **56**

Tarikh : **15** Februari 2023

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN AP 58 (a)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada emel daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan BPOPP/SPO(Emel)/2023(42) bertarikh 30 Januari 2023 dan surat MOF.NBO(S)600-9/1/1JLD.3(37) bertarikh 17 Januari 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada peraturan semasa, Kementerian hanya boleh memproses bayaran AP58 (a) selepas Akaun Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan dimuktamadkan. Sehubungan itu, bagi memudahcara proses bayaran AP58(a) tahun 2022 Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk :

- i) Membenarkan Kementerian-kementerian yang masih mempunyai baki peruntukan tahun 2022 membuat bayaran AP58(a) tanpa perlu menunggu akaun awam tahun 2022 dimuktamadkan Kementerian boleh menggunakan maklumat baki akhir dalam vot seliaan masing-masing untuk mendapatkan kelulusan AP58(a);
- ii) Semua pembayaran AP58 (a) hendaklah selesai **sebelum atau pada 30 April 2023** dan sebarang pembayaran **selepas tarikh tersebut hendaklah mendapat kelulusan MOF.**

3. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga dimohon untuk memastikan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.7/2018 (Lampiran B : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP58(a) Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas)** telah dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang bagi mengelakkan dikuiiri.

4. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan agar proses pembayaran AP58(a) dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A. (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang